

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]

TARIKH : 18 MEI 2016 (RABU)

SOALAN :

YB Dr. Ismail bin Daut [Merbok] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah projek Perumahan Rakyat 1Malaysia di luar bandar yang telah siap dibina dan akan dibina pada masa hadapan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fokus pembangunan PR1MA adalah khusus di kawasan bandar dan pinggiran bandar. Sehingga kini, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 246,410 unit yang terdiri daripada pelbagai projek di seluruh negara. Jumlah ini dijangka akan meningkat mengikut kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA yang sentiasa bersidang dari semasa ke semasa.

Pada masa ini, sebanyak 83 buah projek PR1MA yang terdiri daripada 94,299 unit rumah di pelbagai lokasi seluruh negara telah memulakan kerja-kerja fizikal. Antara lokasi projek yang telah memulakan pembinaan termasuklah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Melaka, Perlis, Selangor, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Selain itu, sebanyak 883 unit rumah PR1MA telah berjaya disiapkan iaitu PR1MA @ Putrajaya di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan PR1MA @ Kuala Ketil di Kedah. Manakala projek-projek lain sedang berada dalam pelbagai fasa perancangan dan akan memulakan pembinaannya seperti mana yang telah dijadualkan.

Sekian. Terima kasih.